

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (NASIONAL)

TARIKH: 30 JANUARI 2018

MUKA SURAT: 16

## Bomba sahan ada unsur jenayah

**PUTRAJAYA** - Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) mengesahkan kes empat kenderaan milik pegawai kanan kastam dan ahli keluarganya yang terbakar dalam kejadian di kuarters kerajaan di Presint 11 di sini, minggu lalu mempunyai unsur jenayah.

Ketua Pengarahnya, Datuk Seri Wan Mohd Nor Ibrahim berkata, siasatan pihaknya mendapati cermin sebuah daripada kenderaan terbabit dipecahkan sebelum dicurah petrol dan dibakar.

"Disebabkan kebakaran itu ada melibatkan perbuatan jenayah, maka JBPM serah-

kan perkara ini kepada polis," katanya.

Dalam kejadian awal pagi 23 Januari lalu, empat kenderaan milik Penolong Kanan Pengarah Kastam Penguat Kuasa GST, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Nur Azman Mat Jini serta keluarganya yang diletakkan di hadapan kuarters kediaman beliau terbakar dipercayai akibat perbuatan khianat.

Ketua Polis Daerah Putrajaya, Asisten Komisioner Rosly Hassan sebelum ini dilaporkan berkata, kertas siasatan terhadap kes berkenaan dibuka di bawah Seksyen 435 Kanun Keseksaan iaitu khianat dengan api. - *Bernama*

**KERETA  
PEGAWAI KASTAM  
TERBAKAR**